

# Qalam

---

Bilangan 115 Syaaban 1379 Februari 1960 60 sen

---

## 12 Tahun Penerbitan QALAM

Dengan masuknya bulan Februari tahun 1960 ini maka genaplah usia penerbitan QALAM selama 12 tahun sesudah bukunya yang pertama bernama Sabil di Palestin yang diterbitkan pada bulan Februari 1948.

Selama 12 tahun penerbitan QALAM terus-menerus melangkah dengan banyak mengharungi pahit dan sulitnya di dalam menyelenggarakannya. *Alhamdulillah* hingga hari ini ia terus berjalan. Kemajuan dan kesempurnaannya didapati adalah dengan kerjasama pembaca-pembaca amnya dan anggota pejabat khasnya.

Mudah-mudahan ia akan dapat terus-menerus memberi khidmatnya dan dapatlah hendaknya ia dirakamkan di dalam sejarah sebagai salah satu tenaga yang mengambil bahagian di dalam perkembangan kebangkitan umat - *Āmīn!*

## Mahkamah Shar‘iyyah Singapura

Orang-orang Islam Singapura umumnya sangat bersyukur dengan adanya sebuah mahkamah yang dinamakan Mahkamah Shar‘iyyah, yang mengurus perkara-perkara nikah kahwin serta cerai dan harus pula dalam perkara mengenai dengan hal-hal wasiat (harta warisan). Mahkamah ini berjalan setahun lamanya dan sekarang, kerajaan telah bercadang pula untuk menambah kuasa mahkamah itu. Sebahagian besar cadangan menambah kuasa mahkamah itu sangat diperkenankan oleh umat Islam, dikecualikan satu perkara, mengenai kuasa Kadi Besar untuk menikahkan orang-orang yang telah ada isteri (orang yang hendak memadukan isterinya).

Sesudah setahun lebih mahkamah itu berjalan di dapati di dalamnya beberapa perkara yang telah menimbulkan sedikit tidak puas hati iaitu tentang penyelenggaraan perkara-perkara mahkamah itu didedahkan kepada am dengan terbitnya siaran-siaran yang meluas di dalam akhbar sehingga di dalam setengah-setengah perkara dirasa memalukan umat Islam. Tetapi *Alhamdulillah* perkara ini telah dapat segera disedari bencananya dan dengannya dari satu ke satu masa dapatlah ia dikawal.

Ada pun sebab-sebab mengapa mahkamah ini sangat dikehendaki oleh umat Islam dahulunya ialah perkara-perkara banyaknya perceraian dan perkara-perkara kecuaiannya kadi-kadi di dalam perkara mengenai nikah kahwin dan cerai. Umat Islam di Singapura berasa sangat dukacita dalam hal banyak bercerai ini. Demikian juga di dalam bandar-bandar yang besar di Persekutuan perceraian itu merebak.

Untuk mengurangkan perceraian ini maka adakah dengan adanya mahkamah Shar‘iyyah itu akan terjamin kurangnya sesuatu perceraian? Perkara inilah mesti diselidiki lebih dahulu. Adanya Mahkamah Shar‘iyyah ini maka bermaknalah pengaduan-pengaduan akan diterima dan perkara mereka akan diadili oleh mahkamah yang mempunyai kuasa-kuasa untuk menjatuhkan sesuatu hukuman yang wajib ditaati.

Dengan membicarakan dan dengan menjatuhkan hukuman terus begitu sahaja, tidaklah masalah perceraian itu akan dapat dikurangkan. Bagi menyelenggarakan soal ini mustahak mahkamah itu mengadakan suatu lajnah atau sebuah badan yang boleh dinamakan Badan Penasihat Perceraian. Sebelum orang-orang yang bergaduh atau hendak bercerai suami isteri mengadu ke mahkamah, maka hendaklah ia terlebih dahulu pergi ke sini.

Pegawai-pegawai di sini hendaklah menyelidik, kemudian memberi nasihat dengan berikhtiyar sedapat-dapatnya supaya jangan terjadi perceraian di antara mereka. Segala penyiasatan hendaklah direkodkan supaya nanti apabila terpaksa dibawa kepada perbicaraan Mahkamah Shar‘iyyah, hakim mahkamah itu telah

tahu bahan-bahan yang menjadikan sebab tuntutan-menuntut di dalam perceraian ini.

Sebabnya perlu orang-orang yang hendak bercerai itu dinasihatkan lebih dahulu ialah kerana kerap kali di dapati sebab yang menjadikan pergaduhan itu di dalam perkara yang sedikit jua - kemudian menerima hasutan dari luar.

Kerana sebab-sebab yang sedikit lalu membawa kepada cerai-berai – akhirnya beberapa orang anak terkorban disebabkan jatuhnya perceraian itu.

Sepanjang yang kita ketahui di Jakarta telah ada Badan Penasihat Perceraian yang diselenggarakan oleh Kementerian Agama Indonesia. Sepanjang keterangan Ustaz Nasrudin Latif, yang menjadi ketuanya, banyak perceraian-perceraian dapat dielakkan. Setelah kedua suami isteri itu mendapat nasihat-nasihat yang baik, dan setelah didengar perkara-perkara perselisihan di antara suami isteri yang menyebabkan sehingga mereka bersedia hendak bercerai.

Cara ini lebih sesuai dalam melaksanakan firman Allah yang maksudnya: “Apabila terbit perselisihan di antara keduanya maka lantiklah seorang hakim bagi pihak perempuan dan seorang hakim bagi pihak lelaki.” Gunanya menasihati dan melaksanakan tugas memberi nasihat sebelum mereka sampai kepada mahkamah.

Semoga perkara ini mendapat perhatian, kerana tujuan yang dicari ialah untuk menyelamatkan persekelamin daripada bercerai-berai – bukannya untuk memecahkan mereka.

### **Kuasa *Chief Kadi***

Majlis Undangan Singapura telah bersetuju supaya jawatankuasa yang dilantik untuk menghalusi rang undang-undang (pindaan) Islam diserahkan kepada sebuah jawatankuasa yang dilantik untuk menghalusi rang undang-undang (pindaan) yang dikemukakan itu yang di antaranya termasuk perkara memberi kuasa kepada *Chief Kadi sahaja* – yang boleh

menikahkan orang-orang yang telah ada isteri yang hendak berkahwin lagi.

Di dalam rang undang-undang yang dikemukakan itu dalam bahagian 7 ayat (2) berbunyi - maksudnya:

“Tidak boleh dilangsungkan nikah di dalam peraturan ini, kalau lelaki yang hendak dinikahkan itu telah nikah (kahwin) di bawah sesuatu undang-undang agama, adat atau istiadat yang dilazimkan kepada sesiapaupun selain daripada pihak yang lain yang hendak dinikahkan itu, kecuali oleh Ketua Kadi (*Chief Kadi*) yang sebelum melakukan ijab nikah telah mengambil keputusan sendiri, setelah mengadakan penyelidikan, bahawa tidak ada halangan-halangan yang melanggar undang-undang menurut hukum-hukum Islam berkenaan dengan perkahwinan itu.”

Penerangan yang diberi terhadap kepada undang-undang ini berbunyi maksudnya:

“ Undang-undang ini menyediakan peraturan, bahawa kalau lelaki yang hendak kahwin itu telah ada mempunyai seorang isteri atau isteri-isteri yang masih hidup, maka nikah itu hanya boleh dilaksanakan oleh *Chief Kadi*, yang mengambil keputusannya sendiri bahawa tidak ada halangan-halangan yang melanggar undang-undang menurut hukum agama Islam di atas perkahwinan yang sedemikian itu.”

Tatkala membentangkan rang undang-undang ini, pihak yang mengemukakannya dikatakan telah menyatakan bahawa sebelum rang undang-undang ini dikemukakan Majlis Penasihat Islam Singapura dan Jam‘iyyah al-Da‘wah al-Islāmiyyah Singapura telah mempersetujukannya. Setelah kita selidiki khususnya kepada ahli-ahli jawatankuasa Jam‘iyyah maka mereka berasa hairan. Mereka tidak menyetujui perkara mengenai tentang perkara ini.

Tidak lama dahulu, Jam‘iyyah dikatakan ada menerima surat dari Peguam Agung mengemukakan beberapa perkara meminta fikiran dalam perkara-perkara iaitu (1) tiap-tiap seorang

yang hendak beristeri lagi (yang telah ada mempunyai isteri) hendaklah meminta izin daripada isterinya, (2) orang-orang yang hendak kahwin lebih daripada satu itu hendaklah disiasat kemampuannya; dan (3) hendaklah menjalankan keadilan kepada isteri-isterinya.

Tiga perkara ini dan beberapa bahagian lain daripada bahagian yang termasuk di dalam bahagian 7 ayat cerai 2 akhirnya telah diserahkan kepada satu jawatankuasa untuk memberi butir-butirnya mengikut hukum syarak. Jawatankuasa itu terdiri dari lima orang ulama-ulama di Singapura. Tetapi dikenakan bahawa belum pun jawatankuasa itu sempat bersidang maka peguam agung dikatakan telah menarik surat itu. Selain daripada itu tidak ada pun perkara-perkara yang dibawa di dalam persidangan jawatankuasa Jam'iyah.

Tidak lama antaranya timbul persoalan kuasa *Chief* Kadi ini. Kepadanya sahaja diluluskan menikahkan orang-orang yang ada isteri. Kita berpendapat perkara ini tidak mustahak hanya diberi kuasa kepada *Chief* Kadi sahaja menikahkan mereka kerana di dalamnya akan menimbulkan perkara-perkara yang lebih banyak mudharatnya daripada manfaatnya.

Sungguhpun di dalam kuasa yang diberi kepada *Chief* Kadi itu ada dikaitkan bahawa ia boleh menikahkan seseorang yang ada isteri “setelah mengadakan penyelidikan bahawa tidak ada halangan-halangan yang melanggar undang-undang menurut hukum-hukum Islam berkenaan dengan perkahwinan itu.” Tetapi jika dikaitkan perkara itu dengan apa yang telah dikemukakan oleh Peguam Agung kepada Jam'iyah dan kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan di atas maka harus kelak *Chief* Kadi akan “diperintahkan” menyiasat kemampuan orang itu – materi orang yang hendak berkahwin lebih daripada satu itu. Kalau ini disiasat maka tentunya ia akan meletakkan bahawa sebab-sebab perkahwinan adalah materi (kebendaan), padahal syarak di dalam hal ini tidak meletakkan syarat-syarat itu.

Syarak hanya meletakkan bahawa “jika kamu rasa tidak dapat berbuat adil maka lebih molek beristeri satu”.

Ertinya: Perkara kahwin lebih daripada satu itu tidak digalakkan. Bahkan syarak menetapkan pula bahawa “kamu tidak akan dapat berbuat adil kepada wanita sekalipun kamu mencuba dengannya.”

Perkara ini jika dibawa banyak menimbulkan hal-hal yang tidak diinginkan terutamanya ke atas orang-orang yang tidak cukup mengerti dalam perkara agama dan yang tidak bertanggungjawab.

Seseorang yang ada isteri – ia telah mendapat keredhaan daripada seorang wanita bakal jadi isteri – sara hidupnya tidak dijadikannya soal. Kemudian ia pergi kepada *Chief* Kadi mahu nikah. Umpamanya datangnya soal mengenai kebendaan dan Tuan Kadi enggan menikahkannya. Hal ini akan menimbulkan tiga perkara:

1. Ia akan melakukan pernikahannya bersendirian, dengan tidak mendaftarkan nikah sedang nikah seperti ini sah pada hukum syarak dan haram pada sisi undang-undang negeri.
2. Kalau dia tidak mengerti cara hukum-hukum sahnya nikah dengan tidak mendaftarkan nikah, harus ia melakukan perzinaan.
3. Harus ia menceraikan isteri tuanya dan membuat berbagai-bagai dalih dalam mengelakkan daripada memberi nafkah yang mencukupi kepada isteri yang dicerainya. Hal ini akan membawa akibat lain:
  - a) Merosakkan keadaan rumah tangga yang ada
  - b) Kalau pada isteri tua ada anak maka anak-anaknya akan menjadi korban yang disebabkan terbitnya daripada kuasa kadi.

Selain daripada memayahkan orang-orang yang jauh untuk menemui *Chief* Kadi, yang sekalipun jam-jam kerjanya tetap di pejabatnya maka hal ini tidak berapa sangat terjadi. Banyak akibat-akibat lagi yang boleh berlaku bahkan orang-orang Islam akan menyangka bahawa mengadakan rang undang-undang memberi kuasa *Chief* Kadi sahaja untuk menikahkan orang-orang yang telah ada mempunyai isteri adalah sengaja untuk mengaitkan orang-orang Islam di dalam undang-undang kerajaan yang menegah kepada beristeri lebih daripada satu ke atas lain-lain orang yang bukan Islam sedang faedah daripada undang-undang menguasai *Chief* Kadi itu hanya bakal banyak menimbulkan ketidak puasannya hati daripada manfaat yang didapati padanya.

Di dalam hal ini yang sangat didukacitakan bahawa nama baik Jam'iyah dibawa-bawa sebagai sandaran bahawa perkara ini telah pun dikemukakan kepadanya.

Di dalam hal yang lain-lain, tentang kuasa Mahkamah Shar'iyah yang dikemukakan di situ kita berpendapat sudah pada tempatnya kerana tidak ada ertinya sesebuah mahkamah kalau tidak ada kekuasaan padanya.

#### **Kedudukan Perempuan Sesudah Memeluk Agama Islam**

Di dalam rang undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan Majlis Mesyuarat Undangan telah dikemukakan suatu rang undang-undang mengenai seorang isteri, seorang yang bukan Islam memeluk agama Islam tidak boleh dikahwinkan dengan orang-orang Islam. Bunyi rang undang-undang yang dikemukakan yang termasuk di dalam bahagian 7 ayat (1) maksudnya berbunyi demikian:

“Tidak boleh dilaksanakan nikah di bawah undang-undang ini, kalau wanita yang hendak dinikahkan itu telah kahwin di bawah sesuatu peraturan undang-undang agama, adat atau istiadat yang telah lazim dipakai kepada seseorang yang lain, iaitu lain dari pihak yang hendak dinikahkan itu.”

Kerana perkara ini masih di dalam perhatian jawatankuasa yang dilantik untuk menerima pendapat-pendapat mereka, maka kita suka mengemukakan perhatian agama Islam tentang soal ini.

Menurut hukum Islam (sebagaimana yang dihuraikan di dalam kitab al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah), bahawa kalau dua orang suami isteri yang bukan Islam memeluk agama Islam maka mereka tidak payah dinikahkan semula (kerana nikah mereka yang asal itu sah)

Kalau pula si suami sahaja memeluk Islam sedang kadi berkewajipan mengajak suaminya memeluk Islam. Kalau si suami itu enggan hendaklah diajak sekali lagi – sampai tiga kali. Kalau juga ia enggan maka kadi hendaklah memisahkan keduanya (kerana perempuan Islam tidak halal bagi suami yang bukan Islam – dengan dalil Quran ayat yang kesepuluh, Surah al-Mumtahanah).

Kalau pula si suami sahaja memeluk Islam sedang si isteri tidak, maka kadi dikehendaki menyiasat kalau si isteri berasal kafir *Kitābiyy* maka dia tidak payah dipisahkan (kerana perempuan kafir *Kitābiyy* - Yahudi atau Nasrani- dihalalkan menjadi isteri orang Islam dengan tidak payah menukar agamanya, dengan syarat-syaratnya yang tertentu). Kalau pula si isteri itu berasal kafir *Mushrik* (bukan kafir *Kitābiyy*) maka kadi berkewajipan mengajaknya memeluk Islam. Kalau ia enggan juga maka kadi berkewajipan menceraikan keduanya (kerana perempuan *Mushrik* tidak halal dan tidak sah diperisterikan oleh lelaki Islam).

Jelasnya, apabila seorang isteri yang bukan Islam meninggalkan suaminya (yang bukan Islam) lalu ia memeluk Islam maka dengan Islamnya itu ia telah terputus perhubungannya